



**KENYATAAN MEDIA**

11 Ogos 2016

### **UniMAP TAMBAH KOLEKSI KUTIPAN PINGAT EMAS SUKUM 2016**

Nilai, 11 Ogos – Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus melakar kecemerlangan di Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) 2016 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan menambah koleksi pingat emas menerusi acara boling, di sini, semalam.

Tiga pingat emas disumbangkan oleh Zulfauzi Mohamad Sawal dalam kategori *single* tenpin boling, *double* bersama Nurakmal Ramli dan *all event* tenpin boling individu.

Manakala dua lagi emas diraih *double* tenpin boling wanita iaitu Prof Dr Rosni Bakar dan Mahzura Mahmood serta tenpin berpasukan lelaki.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniMAP Prof Madya Dr Mohd Foad Sakdan selaku Ketua Kontinjen UniMAP berkata selain lima pingat emas itu, acara boling turut menyumbang tiga perak dan satu gangsa.

“Pingat perak disumbangkan menerusi kategori *all event* tenpin individu lelaki (Nurakmal), *all event* tenpin individu wanita (Mahzura) dan event tenpin wanita berpasukan.

“Satu gangsa disumbangkan Nurakmal dalam kategori *single* tenpin boling lelaki menjadikan keseluruhan kutipan pingat bagi acara boling adalah lima emas, tiga perak dan satu gangsa pada hari ketiga SUKUM 2016,” katanya.

Menurut Mohd Foad, selain acara boling satu lagi pingat perak UniMAP disumbangkan oleh acara bola padang veteran selepas ditewaskan pasukan

Universiti Sains Malaysia (USM) dengan satu jaringan tanpa balas pada aksi perlawanan akhir di

Katanya, dua lagi gangsa UniMAP diperolehi pasukan sepak takraw dan pasukan bola jaring.

“UniMAP akan terus memburu koleksi pingat bagi acara boling kategori masters selain bola tampar wanita yang bakal beraksi di separuh akhir menentang Universiti Malaya (UM) serta perlawanan akhir futsal wanita menentang Universiti Malaysia Sabah (UMS) hari ini,” katanya.

**Dikeluarkan Oleh :**

**Aininulniza Mohd Yusof ( [aininulniza@unimap.edu.my](mailto:aininulniza@unimap.edu.my) )**

Pegawai Perhubungan Media UniMAP

Tel : 04-9798860